

25/08/1997

Petronas kuasai 29.3 peratus ekuiti MISC

Azizi Othman

PETRONAS mengumumkan akan mengambil alih 29.3 peratus kepentingan ekuiti dalam Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd (MISC) daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP).

Perkembangan itu mengejutkan masyarakat pelabur kerana sebelum ini Konsortium Perkapalan Bhd (KPB) bersama sekutunya, DiPerdana Corporation Bhd (DiPerdana), adalah pihak yang berunding dengan KWAP untuk membeli ekuiti MISC.

Petronas, dalam kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur kelmarin, berkata pengambilalihan ekuiti itu akan menjadikannya pemegang saham terbesar MISC dan dijangka mampu memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

Bagaimanapun, ia tidak menjelaskan secara terperinci mengenai kos pengambilalihan membabitkan 293.524 juta saham yang dimilikinya dalam MISC. Syarikat minyak dan gas nasional itu juga mengumumkan sudah menerima kelulusan daripada pihak berkuasa bagi pengambilalihan MISC, syarikat perkapalan nasional.

Pengumuman Petronas itu dikeluarkan hanya dua minggu selepas pegawai KPB dan DiPerdana mengumumkan cadangannya mengambil alih MISC daripada KWAP itu sudah sampai ke peringkat akhir walaupun ada desas-desus mengatakan ia dibatalkan.

Bagaimanapun, umum mengetahui rundingan mengenai pengambilalihan MISC oleh KPB-DiPerdana itu menghadapi masalah kerana gagal mencapai kata sepakat berhubung aspek harga penjualan terbabit.

KPB-DiPerdana ialah kumpulan yang diterajui Mirzan Mahathir dan mempunyai wawasan untuk muncul sebagai pengendali logistik bersepadu di negara ini, membabitkan sektor perkhidmatan pengangkutan di laut, darat dan udara.

Sehingga ini, Mirzan sudah berjaya bertapak dalam ketiga-tiga segmen perkhidmatan terbabit tetapi penguasaan dalam MISC disifatkannya sebagai langkah strategik memperkukuhkan penguasaan pasarannya.

Penganalisis percaya Petronas muncul sebagai pihak yang berjaya mengambil alih ekuiti MISC daripada KWAP itu berikutan ia menawarkan harga yang lebih baik berbanding kumpulan KPB-DiPerdana.

"Petronas mengemukakan tawaran mengambil alih MISC kerana berpendapat harga yang ditawarkan oleh KPB-DiPerdana adalah pada diskaun berbanding sepatutnya. Ia tidak adil untuk KWAP dan penyumbangannya," kata seorang penganalisis.

Sebelum ini, laporan akhbar menyebut harga tawaran yang dibuat oleh kumpulan KPB-DiPerdana bagi MISC itu adalah RM6.50. Bagaimanapun, tidak ada sebarang pengumuman rasmi mengenainya.

KWAP dikatakan menganggap harga itu sebagai rendah terutama jika mengambil kira kos ketika ia mengambil alih saham itu daripada Bank Negara tiga tahun lalu iaitu RM8 sesaham, walaupun tidak diumumkan ketika itu.

Pada 1994, Bank Negara melupuskan ekuiti 29.34 peratus atau 220.05 juta saham miliknya dalam MISC itu kepada KWAP. Ketika itu harga pasaran saham MISC di Bursa Saham Kuala Lumpur ialah RM9.35 sesaham.

(END)